

TINTA SUKMA

Buat yang  
**Lelah**

*Gusar ditelan dalam tiap hirup nikmat*



DR. NINIE

TIYA THALEYA

PAAN

DR. NINIE

TIYA THALEYA

PAAN

TINTA SUKMA

*Buat yang*  
**Lelah**

# Hakcipta

TINTA SUKMA: BUAT YANG LELAH

Terbitan pertama: Januari 2023

Penulis dan karya asal:

Dr. Amaal Fadhlini Mohamed

Nik Ahmad Farhan Azim @ Nik Azim

Nur Fatihah Sulaiman

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dengan sebarang bentuk ayat dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada para penulis.

Diterbitkan secara digital oleh:

**Ninidoll House Production**

Bachok, Kelantan

Website: [www.ninidollebookhouse.com](http://www.ninidollebookhouse.com)

Email: [ninidollhouseproduction@gmail.com](mailto:ninidollhouseproduction@gmail.com)

**PREVIEW**

# Penafian

Kandungan e-buku ini adalah semata-mata berdasarkan hasil karya dalam pengetahuan dan pengalaman para penulis. Para penulis tidak memberi jaminan terhadap sebarang perkara yang anda alami dengan mengikuti kandungan dalam e-buku ini.



# Biodata Penulis

**DR. AMAAL FADHLINI MOHAMED** yang lebih dikenali dengan panggilan **Dr.Ninie** dalam kalangan pelajar merupakan anak jati Kelantan. Beliau kini berkhidmat di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan sebagai pensyarah kanan yang bergiat aktif dalam bidang komunikasi profesional dan perniagaan, Bahasa Inggeris dan penulisan genre pelbagai. Antara kursus yang diajar oleh beliau termasuklah Penulisan Teknikal, *Creativity in Writing* (penulisan kreatif), *1, 2, 3 Action!* (lakonan), dan banyak lagi.

**NIK AHMAD FARHAN** dengan nama pena **Paan** merupakan seorang staf akademik di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan. Dorongan ibu penulis yang juga merupakan seorang penulis serta pengalaman penulis lebih sedekad dalam bidang bahasa dan pendidikan membawa beliau ke alam penulisan kreatif secara lebih mendalam. Beliau percaya penulisan adalah wadah ekspresi dan interpretasi diri yang terbaik.

**NUR FATIHAH SULAIMAN** yang biasa menggunakan nama pena **Tiya Thaleya** merupakan penulis, pendidik dan usahawan yang berasal dari Kota Bharu. Berkhidmat di Universiti Malaysia Kelantan selama lebih 11 tahun, beliau amat mencintai bidang pendidikan. Dengan impian menjadi penulis dalam genre sastera dan motivasi, beliau yakin bahawa keindahan bahasa mampu mengubah cara pandang dan fikir setiap manusia. Melalui penghayatan dan penguasaan bahasa yang baik, beliau merasakan bahawa kejayaan terhebat di dunia mampu dikuasai kerana bahasa adalah cara manusia menyampaikan idea dan perasaan.


# Isi Kandungan

Hakcipta	iii
Penafian	iv
Biodata Penulis	v
Isi Kandungan	vi
Kata-kata Hikmah	vii
Prakata	viii
<b>Tinta Sukma Dr.Ninie</b>	
Harga	2
Hati Kamu	3
Lelah	4
Simpan Setia	5
Tiada Lagi Murabbi	6
Sia-sia	7
Tiada Rasa	8
Jiwa Hamba yang Tenang	9
<b>Dari Hujung Pena Paan</b>	
Cinta Tuhan Al-Razzaq	11
Kau, Aku, Hakikat	12
Dia Bilang	13
Sinar Cahaya	14
Ujian	15
Lukisan Senja	16
Jaharkan Kalimah Tauhid	17
<b>Coretan Hati Tiya Thaleya</b>	
Belum Berdamai	19
Hanya Janji	20
Rumah Pulang	21
Terbunuh Saat Bernyawa	22
Serius Kamu Pergi	23
Penutup	24

# Kata-kata Hikmah

“Setiap buku yang ditulis  
sentiasa ada nilainya.  
Walaupun kamu hanya ada  
seorang pembaca, ternyata  
penulisanmu dikira berharga”

*Dr.Ninie*



# Prakata

Antologi puisi dalam naskah TINTA SUKMA: BUAT YANG LELAH adalah rampaian puisi berkisarkan cinta kepada Tuhan, manusia dan alam. Umum mengetahui dan merasakan hubungan manusia dengan Tuhan itu lebih menebal tatkala mereka diuji dengan kesempitan mahupun kesenangan. Maka terbit bait-bait duka sebagai coretan hati untuk didengar Tuhan dan sekalian isi alam milik-NYA. Dengan bayangan latar belakang anekdot yang seringkali dialami mana-mana insan, maka terkumpul karya-karya ini dalam sebuah naskah digital buat tatapan manusia yang luhur hatinya. Perihal ini cuba dibawakan dalam emosi melalui bait dan frasa monolog. Selain meluahkan rasa, harapan para penulis agar pembaca yang budiman dapat mengambil ibrah daripada masalah yang menimpa dan melihat ujian sebagai suatu pengharapan kepada cinta Allah yang Esa.

*Gusar ditelan dalam tiap hirup nikmat*

Ikhlas,

**Paan**





Tinta Sukma  
**Dr. Ninie**



# Harga

Baru ku tahu apa makna  
zalimnya sang dunia  
selalu indah khabar  
daripada rupanya

Kata-kata adalah dusta  
janji-janji tidak dikota  
memberi tidak, lebih menerima  
letak harga bukan selayaknya

Kita beli, kita menerima  
Dapatannya tidak seberapa  
dibaiki tak bisa  
dibuang nampaknya  
Hilang wang, rugilah harta  
Hendak dicinta, tiada maknanya